

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BIL. 1/2005**

**PENYEDIAAN KERTAS MMK BERHUBUNG PERMOHONAN
PINDAHMILIK TANAH YANG MELIBATKAN PREMIUM
(DEVELOPMENT PREMIUM)**

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan berhubung dengan tatacara penyediaan kertas MMK untuk permohonan pindahmilik yang melibatkan penyerahan balik dan milik semula bagi tujuan pindahmilik yang dikenakan premium (Development Premium) sebagaimana Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan Bil.3/2004.

2. Berdasarkan Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan Bil. 3/2004. Kadar Premium (Development Premium) bagi tanah-tanah yang diserahkan balik dan milik semula ialah satu (1%) peratus daripada nilai tanah semasa. Oleh yang demikian, bagi tujuan penyelarasan penyediaan kertas MMK, jumlah premium tersebut hendaklah dinyatakan secara jelas di bawah perenggan pengesyoran Pentadbir Tanah selain daripada kadar yang ditetapkan tersebut. Contoh penyediaan kertas MMK tersebut adalah seperti berikut :-

"B. PENGESYORAN PENTADBIR TANAH KOTA BHARU

8.1	
8.2	
8.3	Premium	:RM500.00 (1% daripada nilai tanah semasa)"

3. Oleh yang demikian, Pentadbir Tanah juga diminta supaya memastikan nilai yang dibuat adalah bertepatan dengan nilai semasa bagi mengelakkan kekeliruan berhubung dengan pengenaan premium tersebut.

4. Arahan ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan Bil.3/2004.

t.t

(Hj. Che Kamarulzaman bin Hj. Mohamed)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA :

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Pengerusi Jawatankuasa Kewangan
Perancangan Ekonomi dan Pembangunan Masyarakat
Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
5. YB. Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, (Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan)

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU**

Bertarikh : 03hb. Oktober 2005

Fail : PTG.KN.11/5/5 (7)